

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR
A/L ARULANANDRAM [KUALA LANGAT]**

SOALAN

DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDRAM [KUALA LANGAT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan remaja yang ditahan di bawah SOSMA, POCA, dan POTA pada tahun 2018, 2019 dan 2020 dan apakah kesalahan-kesalahan yang terbabit untuk penahanan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sepanjang tahun 2018 sehingga Oktober 2020, seramai empat (4) orang remaja telah ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah - Langkah Khas) 2012 (SOSMA). Berdasarkan maklumat di atas, pada 2018, dua (2) orang remaja telah ditahan dengan satu (1) orang kerana terlibat dengan aktiviti gangsterisme dan satu (1) orang lagi kerana menyokong kumpulan militan Islamic State (IS). Siasatan ke atas remaja ini kemudiannya disambung di bawah Seksyen 3 (1) Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA).

Pada tahun 2019 pula, seramai dua (2) orang remaja telah ditahan. Kedua-dua remaja ini ditahan di atas kesalahan terlibat dengan aktiviti gangsterisme. Manakala bagi tahun 2020 sehingga Oktober, tiada remaja yang ditahan di bawah SOSMA, POCA dan POTA.